



**TEKS UCAPAN**  
**YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD. ALI**  
**KETUA MENTERI MELAKA**  
**SEMPENA**  
**SARAPAN PAGI JAKPAW NEGERI MELAKA**  
**TARIKH: 8 JANUARI 2022 (SABTU), JAM: 8.00 PAGI**  
**DI DEWAN SRI BERUANG, REJ 514 (AW)**

.....

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh;  
Salam Sejahtera, dan Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat  
Bahagia, Menggamit Dunia.

Selamat Tahun Baharu 2022,

**Terima kasih pengacara majlis,**

**YB Datuk Zaidi bin Johari,**

**Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka merangkap**

**Pengerusi JAKPAW Negeri Melaka;**

**YBhg. Mejar Jeneral Dato' Tengku Muhammad Fauzi bin  
Tengku Ibrahim,  
Panglima 3 Divisyen;**

**YBhg. Brigedier Jeneral Mohd Saifulisham bin Hj  
Baharun,  
Panglima 1 Briged;**

**YBhg. Brigedier Jeneral Khairul Azmizal Ahmad Natal,  
Panglima 10 Briged (Para);**

**YBhg. Brigedier Jeneral Datuk Noor Sazali bin Puteh,  
Komander Artileri Divisyen 3 Divisyen;**

**YBhg. Brigedier Jeneral Datuk Yusof bin Haji Jantan,  
Komander Rejimen Ke-514 Askar Wataniah;**

**Yang Dihormati Ahli-ahli JAKPAW Negeri Melaka,  
Warga Rejimen 514 Askar Wataniah serta hadirin yang  
dihormati sekalian.**

1. Alhamdulillah, terlebih dahulu marilah kita semua memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan inayah-Nya, kita semua dapat berkumpul pada Majlis Sarapan Pagi JAKPAW Tahun 2022 pada pagi ini.

2. Di kesempatan ini, bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka, saya menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua warga Angkatan Tentera Malaysia (ATM) kerana telah membantu dalam Operasi Penawar dan Operasi Murni. Saya yakin, walau apapun yang berlaku, ATM tetap teguh menjadi benteng utama dalam mempertahankan keselamatan dan kedaulatan negara dalam waktu aman atau ketika kita berhadapan dengan sebarang ancaman.

**Warga Rejimen 514 Askar Wataniah serta hadirin yang dihormati sekalian,**

3. Sebagaimana kita sedia maklum, baru-baru ini, Negeri Melaka serta beberapa negeri lain telah berdepan dengan musibah banjir luar biasa yang disifatkan sebagai antara yang terburuk apabila banyak infrastruktur awam seperti jalan raya dan fasiliti lain yang terjejas. Bencana banjir yang melanda Negeri Melaka itu adalah satu fenomena alam yang jarang berlaku.
  
4. Dalam hal ini, saya turut merakamkan ucapan terima kasih kepada warga ATM di Melaka yang telah turut terlibat membantu mangsa banjir di negeri ini.

5. Banjir yang berlaku itu juga di kala kita masih lagi berhadapan dengan ancaman wabak COVID-19, terutama dengan kehadiran varian baharu, Omicron yang lebih berbahaya.
  
6. Justeru, suka saya berpesan kepada semua agar sentiasa berhati-hati dan berwaspada, lebih-lebih lagi ketika warga ATM sedang bertugas, pastikan tuan-tuan dan puan-puan sekalian sentiasa mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan kerajaan bagi mengekang penularan virus ini.

7. Sememangnya, peranan yang dimainkan oleh warga ATM amat besar sebagai barisan hadapan keselamatan negara dalam membantu pengurusan pandemik COVID-19 dan bencana alam seperti banjir. Justeru, saya amat berterima kasih dan menghargai pengorbanan serta khidmat bakti tuan-tuan dan puan-puan dalam membantu rakyat di kala menghadapi musibah di negara kita.
  
8. Saya juga amat berbesar hati ingin mengajak semua ahli-ahli JAKPAW untuk sama-sama membantu dan memberikan sokongan padu yang berterusan kepada ATM bagi merealisasikan hasrat kerajaan untuk



mengekal dan memperkukuhkan lagi keselamatan negara, khususnya di Negeri Melaka.

**Datuk-datuk, tuan-tuan, puan-puan dan hadirin yang saya hormati sekalian.**

9. Marilah kita bekerjasama erat dalam memperkukuhkan lagi jalinan komunikasi bagi menarik minat penyertaan anak watan Negeri Melaka untuk menyertai Askar Wataniah. Saya percaya, melalui usaha murni ini, kesedaran terhadap keselamatan negara akan dapat kita terapkan kepada generasi muda ini dalam membentuk disiplin dan tingkah laku mereka.

10. Selain itu, saya juga amat mengalu-alukan komitmen daripada kakitangan awam untuk menyertai organisasi Askar Wataniah. Penyertaan daripada setiap lapisan rakyat yang berpengetahuan dan berkebolehan ini dapat menyumbang ke arah pembangunan Askar Wataniah di Negeri Melaka.

**Datuk-datuk, tuan-tuan, puan-puan dan hadirin yang saya hormati sekalian.**

11. Marilah kita bersama-sama memberikan sokongan padu kepada warga rejimen yang bertungkus lumus dalam menjayakan semua aktiviti JAKPAW walaupun pada masa yang sama tetap perlu menjalankan

tugasan hakiki mereka masing-masing tanpa mengira masa dan keadaan.

12. Akhir kata, saya selaku Penaung JAKPAW Negeri Melaka memohon jasa baik ahli-ahli JAKPAW Negeri Melaka agar dapat memberi sokongan padu dalam membantu rejimen ini melaksanakan aktiviti-aktiviti yang diadakan pada masa akan datang.

Sekian,

Wabillahitaufik                      Walhidayah                      Wassalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh.